

Memorandum

kepada

Perdana Menteri
Y.A.B. Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

berkenaan dengan Penambahbaikan

Program Biro Tatanegara

Tarikh: 15th Januari 2010

Dicadangkan oleh:
Pemuda Nasional Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)

CONTENTS

- A MUKADIMAH**
- B SEJARAH DAN PERKEMBANGAN BTN**
- C MASALAH-MASALAH YANG DIKENAL PASTI**
- D SARANAN DAN CADANGAN GERAKAN UNTUK MENAMBAIKKAN
BTN**
- E RUMUSAN**

APPENDIX 1

APPENDIX 2

- 1. BTN COURSE THE PILLAR OF THE NATION'S SUCCESS**
- 2. MULTICULTURALISM SHOULD BE CORE OF BTN COURSES**
- 3. CABINET AGREES TO REVAMP BIRO TATA NEGARA
CURRICULUM**
- 4. LOSING THE BTN PLOT**

MEMORANDUM KEPADA YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA
DATO' SERI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK

DICADANGKAN OLEH:
PEMUDA NASIONAL PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA (PGRM)

Y.A.B. Perdana Menteri,

(A) – MUKADIMAH

1. Meskipun isu tentang Biro Tatanegara (BTN) timbul berikutan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor di bawah pimpinan YAB Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mula melarang kakitangan kerajaan negeri daripada menghadiri kursus BTN yang dianjurkan oleh Biro Tata Negara di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri, namun aduan orang awam khususnya bekas peserta berkenaan dengan cara serta kandungan program BTN yang dianggap bersifat “perkauman” memang kedengaran sekian lama ini.
2. Isu ini telah mendapat liputan meluas oleh pihak media cetak dan elektronik termasuk internet dan blog di seluruh Negara selepas ramai bekas peserta program BTN tampil untuk mendedahkan pengalaman “pahit” persendirian mereka. Kemudian beberapa kerajaan negeri di bawah pimpinan Pakatan Rakyat turut mengenakan larangan tersebut. Alasan mereka adalah BTN hanya merupakan propaganda kerajaan dan bertindak sebagai badan yang menyuburkan semangat perkauman serta anti-pembangkang di kalangan para peserta.
3. Pihak kerajaan telah menjelaskan bahawa BTN tidak berniat sama sekali untuk memecahbelahkan perpaduan kaum sebaliknya berperanan mengukuhkan permuakatan dan persefahaman antara kaum demi mencapai hasrat, misi dan visi kerajaan selaras dengan Wawasan 2020, Misi Nasional dan gagasan 1Malaysia.

4. Walau bagaimanapun, kerajaan persekutuan di bawah pimpinan YAB Dato' Sri telah bersetuju untuk mengkaji semula kursus-kursus BTN agar isi kandungan serta cara penyampaiannya menepati keperluan dan kepentingan semasa, terutamanya selaras dengan konsep 1Malaysia.
5. Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) amat berbesar hati apabila mengetahui bahawa YAB Dato' Sri sendiri akan melihat dengan teliti segala aspek pelaksanaan BTN. Sehubungan itu, selaras dengan agenda YAB Dato' Sri, Gerakan mengambil inisiatif untuk menyediakan memorandum ini dengan harapan dapat membantu YAB Dato' Sri dalam mengemas kini serta menambahbaikkan kandungan serta cara penyampaian BTN agar ia sentiasa selaras konsep 1Malaysia serta objektif murninya untuk memupuk perpaduan serta semangat mencintai Malaysia.

(B) – SEJARAH DAN PERKEMBANGAN BTN

1. Biro Tatanegara (BTN) ditubuhkan pada 1981 untuk melaksanakan program yang menepati objektif utama iaitu memupuk semangat patriotisme, membina sikap berteraskan nilai murni dan penghayatan cintakan negara di kalangan warganegara.
2. **Objektif**

Mencipta semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia dengan memberikan keutamaan kepada golongan pelajar, cendekiawan dan pemimpin-pemimpin masyarakat dengan hasrat mewujudkan satu negara dan bangsa yang kuat dan bermaruah melalui rancangan latihan dan penyelidikan kemasyarakatan.
3. **Misi**

Memberi sumbangan bermakna dalam usaha mencipta kegemilangan masyarakat Malaysia.
4. Pada tahun 1981, selaras dengan keputusan Kerajaan, fungsi BTN telah diperluaskan untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara serta meningkatkan semangat keislaman di kalangan semua lapisan masyarakat termasuk belia, pelajar, kakitangan kerajaan dan sektor swasta.

5. Seterusnya pada November 1986, aktiviti BTN diperjelas dan diperkembangkan kepada melatih pemimpin dan bakal pemimpin supaya mereka mendukung usaha-usaha pembangunan dalam beberapa bidang seperti agama, sosial, politik, ekonomi dan pendidikan.
6. Pada tahun 1992, Jawatankuasa Penyelaras Latihan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan BTN melaksanakan Program Bina Negara yang melibatkan penganjuran kursus, seminar dan aktiviti yang bercirikan latihan perubahan sikap. Program Bina Negara telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri ketika itu Dato' Seri (kini Tun) Dr Mahathir Mohamad serentak dengan Kursus Bina Negara 1 yang diadakan pada 1 hingga 4 Januari 1992.
7. Era Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak peranan BTN ialah menerapkan semangat gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

(C) - MASALAH-MASALAH YANG DIKENAL PASTI

1. Semangat Kenegaraan Penyertaan dalam Kursus BTN adalah wajib untuk semua pelajar yang mendapat biasiswa kerajaan untuk ke luar negeri. Tujuan kursus tersebut adalah untuk menyemai semangat kenegaraan di kalangan pelajar tersebut agar terus bersikap patriotik ketika di luar negeri. Namun begitu, timbul banyak aduan daripada peserta kursus tersebut (terutamanya yang berketurunan bangsa minoriti) bahawa terdapat jurulatih BTN yang menyebarkan ideologi yang bersifat perkauman, hinggakan ke tahap menimbulkan kebencian terhadap kaum-kaum minoriti di Malaysia.
2. Pada 22 Mei 2009, surat khabar The Star menyiarkan laporan bahawa BTN terlalu menekankan hak rakyat berasaskan perkauman hinggakan ia menyebabkan perpecahan antara kaum.
3. BTN ditugaskan menyampaikan maklumat berasaskan fakta sejarah dan tidak menyentuh sentimen perkauman secara sempit. Namun dari masa ke masa timbul aduan tentang sesetengah pensyarah mempersoalkan, memperkecil dan memburukkan kaum bukan Melayu sentiasa kedengaran.
4. Pihak pentadbiran serta pensyarah yang rata-ratanya terdiri daripada satu kaum juga tidak membantu dalam memperkikis tanggapan sesetengah pihak bahawa BTN bersifat "perkauman".

**(D) – SARANAN DAN CADANGAN GERAKAN UNTUK MENAMBAHBAIKKAN
BTN**

1. Demi menunjukkan keseriusan serta kesungguhan pihak Kerajaan dalam menambahbaikkan BTN secara menyeluruh, Gerakan mencadangkan satu Jawatan Kuasa Kerja Khas yang diketuai Ketua Setiausaha Negara dan merangkumi pegawai-pegawai tinggi kerajaan serta tokoh-tokoh akademik dan kebudayaan dari pelbagai kaum dibentuk untuk mengkaji serta membenteng cadangan penambahbaikan BTN untuk pertimbangan kerajaan.
2. Gerakan juga mencadangkan agar nama Biro Tatanegara dinamakan semula sebagai Biro 1Malaysia untuk menonjolkan imej yang baru di kalangan orang ramai serta menepati hasrat Kerajaan untuk menegakkan semangat serta nilai-nilai 1Malaysia.
3. Gerakan mencadangkan agar Komposisi pihak pentadbiran serta pengajaran BTN harus sebaik mungkin mencerminkan sifat majmuk masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum demi sentiasa secocok dengan konsep 1Malaysia.
4. Gerakan menyarankan agar kandungan program BTN boleh berdasarkan asas kenegaraan Malaysia yang terkandung dalam 5 dokumen penting Negara ini:
 - (a) Perlembagaan Persekutuan (1957);
 - (b) Rukun Negara (1970);
 - (c) Wawasan 2020 (1991);
 - (d) Misi Nasional (2006); dan
 - (e) 1Malaysia (2009).
5. Gerakan juga menyarankan agar BTN dijadikan wadah untuk memupuk integrasi di antara Rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

(E) - RUMUSAN

1. Gerakan menyokong penuh objektif serta misi murni BTN untuk mencipta semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia.
2. Memorandum ini adalah komitmen Gerakan untuk memberi sumbangan idea kepada kerajaan untuk menambahbaikkan BTN agar BTN bukan sahaja menepati kehendak semasa malah lebih berkesan untuk merealisasikan objektif serta misi murninya.

Satu Hati Bersama!

Lim Si Pin
Ketua Pemuda Nasional
Parti Gerakan Rakyat Malaysia

APPENDIX 1

1. Pengalaman seorang peserta yang berpendapat bahawa para penceramah terlalu bersemangat menyampaikan kuliah sehingga menjerit melalui mikrofon sehingga mengganggu pendengaran.
2. Pengalaman seorang lagi peserta yang berpendapat bahawa penceramah BTN terlalu ghairah menyentuh tentang konsep Kontrak Sosial yang semua orang tahu sejak sekolah menengah lagi. Boleh diulang sekali tetapi tidak wajar diulang berkali-kali sehingga nampak seolah-olah BTN itu kontrak sosial dan kontrak sosial itu BTN. BTN sebenarnya lebih daripada sekadar kontrak sosial.
3. Pengalaman peserta lain yang berpendapat menyangkan gambar Dato' Seri Anwar Ibrahim dan menggelarnya pengkhianat adalah berbentuk politik semata-mata dan adalah lebih bermanfaat untuk memberi hujah mengapa ketua pembangkang pernah melakukan kesilapan daripada menghentam kromo atau melakukan 'character assassination' semata-mata.
4. Sebelum menyertai BTN, ramai pelajar sudah mempunyai persepsi yang BTN merupakan sebuah 'brain-washing' governmental organization walaupun mereka tidak menyokong mana-mana parti termasuk parti lawan. Ramai peserta terpaksa hadir kerana mereka diwajibkan hadir. Kalau tidak hadir, maka tidak lulus sebagai anggota perkhidmatan awam. Jabatan Perdana Menteri perlu memastikan mentaliti para peserta diubah supaya BTN tidak dilihat sebagai satu agensi yang digeruni sebaliknya satu agensi yang mesra rakyat. Cadangan PGRM untuk menukar nama BTN kepada Biro 1Malaysia dan mengubah suai program BTN selaras dengan kehendak semasa diyakini dapat memulihkan persepsi rakyat tentang program dan kursus yang dianjurkan oleh kerajaan pada masa depan.

APPENDIX 2

1. BTN course the pillar of the nation's success
2. Multiculturalism should be core of BTN courses
3. Cabinet agrees to revamp Biro Tata Negara curriculum
4. Losing the BTN plot